

Surat khabar: Utusan Sarawak (Berita Perdana)

Hari/Tarikh: 19/6/2013

Muka surat: 2

Tajuk : Unimas Anjur Persidangan Antarabangsa CITA 2-4 Julai.

Unimas anjur Persidangan Antarabangsa CITA 2-4 Julai

KOTA SAMARAHAN, Sela sa — Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) akan mengadakan Persidangan Antarabangsa Kelapan IT di Asia (CITA) pada 2 hingga 4 Julai tahun ini di hotel Four Pints by Sheraton, Kuching.

Menurut kenyataan media yang diterima hari ini, persidangan ini mengetengahkan hasil, teknik dan aplikasi mudah alih baharu pada pelbagai aspek peranti teknologi pintar seiring dengan keperluan masa hadapan.

Persidangan pada tahun ini merupakan usahasama dengan

Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Jabatan Ketua Menteri Sarawak dan Google Amerika Syarikat.

Justeru, tema kali ini ialah Peralatan Trend Pintar: Gaya Hidup Teknologi Masa Depan dan menggunakan pendekatan ilmu komputer.

Panel pada persidangan tersebut ialah Naib Presiden Penyelidikan Makmal Yahoo!, Profesor Ricardo Baeza Yates, wakil dari Google Amerika Syarikat, Dr Patrick Larvie dan Pensyarah Universiti Canberra, Australia, Profesor Michael Wagner, Pensyarah Imperial College, London, Profesor Duncan Fyfe Gillies dan Pensyarah La Trobe University, Australia, Dr. Seng W. Loke.

Untuk pendaftaran dan maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman web persidangan di <http://www.cita.my> atau e mel kepada sekretariat persidangan di secretary@cita.my.